

Coretan Satu

CORETAN ADILA RAYA 2018 OLEH:

FARIDAH BINTI MOHAMAD SAAD/NAMA PENYA: IDARASUL
JABATAN PENGAJIAN MELAYU
IPG KAMPUS PENDIDIKAN TEKNIK
KOMPLEKS PENDIDIKAN NILAI
71760 BANDAR ENSTEK
NEGERI SEMBILAN
NO.TELEFON: 019-3549355/018-2817055

SEWAJARNYA saat-saat begini diisi dengan senda gurau dan gelak ketawa. Paling tidak saling bertukar cerita bagi mengusir rindu yang lama bertemu. Tetapi segala kata-kata bagaikan tersangkut di rengkung. Dan air mata pula terasa makin sukar untuk dikepong. Aku memandang lama mak yang sedang tekun menjahit baju melayu abah. Di sisi kirinya sehelai baju melayu berwarna biru sedondon dengan baju melayu abah. Barangkali baju melayu itu kepunyaan adikku, Budin.

Lama aku memerhatikan ketekunan mak. Menjahit itu kesukaan mak. Mak akan gembira apabila baju yang dijahitnya itu dipakai oleh anak-anaknya. Barangkali baju yang dijahit mak sudah dicampur dengan adunan kasih sayang dari air tangan mak. Justeru, baju melayu itu nampak cantik dan selesa pula dipakai.

“Kakak, suruh Teh buat tempeyek lebih sikit untuk adik kau Budin. Budin suka makan tempeyek. Kalau boleh isikan dalam balang yang mak dah keringkan di atas meja tu,” suara mak tiba-tiba sahaja merayap masuk ke gegendang telingaku. Aku tersentak apabila mendengar arahan daripada mak. Namun, air mataku tiba-tiba sahaja terkepong di dalam kelopak mataku.

“Kakak, cantik tak baju melayu yang mak jahit ni? Baju melayu warna biru kesukaan adik kau Budin.” Ujar mak dengan mata yang bersinar.

Aku hanya kaku dan membungkam sepi. Jantungku berdegup kencang. Kalau boleh aku mahu menjerit memberitahu situasi sebenar kepada mak. Namun, aku tidak mampu. Aku masih lagi diam dan bibirku terkunci rapat apabila mendengar nama adikku Budin.

“Kakak, sudah lama Budin tak balik jenguk kita. Sekarang sudah 25 Ramadan, esok lusa sudah malam tujuh likur. Mana Ngah dan anak-anak Budin? Kata hendak raya dengan mak tahun ini?” soal mak membuatkan hatiku terasa sebak.

“Mak...” panggilku sayu.

Mak menoleh ke arahku lalu memandang tepat ke dalam anak mataku. Dari cermin mata mak itu, mak hanya merenung wajahku tanpa senyuman. Barangkali ada kesedihan yang sedang bertandang di hati mak.

“Mak, sudahlah...Kakak tahu...” aku menggantung kata-kata itu tanpa penghujungnya.

“Tahu apa?” balas mak cepat.

Aku terdiam seperti patung cendana. Seluruh air mataku kembali bergengang di kelopak mata. Waktu itu hanya yang terpampang di depan mata wajah adikku Budin.

Budin adalah satu-satunya anak lelaki mak. Malah Budin diibaratkan sebagai jantung dan hati mak. Aku dan enam orang lagi adik-beradikku kesemuanya perempuan. Justeru, aku tahu sebagai anak lelaki tunggal dalam keluargaku, Budin adalah anak kesayangan mak. Aku masih ingat, sewaktu sambutan hari raya dua tahun lepas Budin, Ngah dan anak-anaknya tidak pulang menyambut hari raya bersama-sama mak dan abah. Mak menunggu Budin sejak malam raya sehinggalah ke pagi. Mak tidak tidur. Mak hanya duduk termenung di muka jendela menanti dan terus menanti. Waktu itu, aku yang sedang menganyam kelongsong ketupat memerhatikan keadaan mak dengan penuh simpati.

“Mak, sekejap lagi sampailah Budin. Mak jangan susah hati ya,” ujarku sambil duduk di sisi mak.

Senyuman semakin terukir apabila mendengar kata-kataku itu. Barangkali kerisauan mak sedikit terubat dengan kata-kataku itu.

Beberapa jam berlalu, namun bayang Budin langsung tidak kelihatan. Mak kembali termenung. Mak merenung aku dan pintu pagar hadapan silih berganti.

“Mana Budin? Sudah larut malam ni. Agaknya adik kau marahkan mak sebab mak marahkan dia hari tu. Mak marah bukan mak benci. Mak marah sebab mak sayangkan dia. Ibu mana yang tak sayangkan anak?” suara mak terketar-ketar bercampur sendu.

Kata-kata mak itu terlalu meruntun hatiku. Benar mak marahkan Budin. Budin selalu berahsia dengan mak. Budin tidak mahu mendengar kata mak. Kali terakhir Budin balik berjumpa dengan mak sebelum menjelangnya hari raya. Budin bawa hamper raya dan beri mak duit raya. Budin beli bermacam-macam barangan untuk menyambut hari raya. Aku melihat keadaan Budin waktu itu. Tubuhnya semakin berisi dan perut semakin membusung. Aku mulai curiga dan keliru lantas bertanyakan hal yang sebenar kepada Budin.

“Budin, kakak nampak Budin macam tak sihat? Kalau tak sihat cakaplah tak payah sorok-sorok. Kalau ada masalah, Budin beritahu dengan kakak.”

Budin hanya tersenyum. Senyuman yang terukir itu seperti memberitahu bahawa dia tidak punya jawapan daripada persoalan itu. Akhirnya, kami berpisah apabila usai berbuka puasa. Itu sahaja.

“Kakak, hari ini kita nak masak apa? Kalau masak lontong tentu sedap bila berbuka nanti. Budin suka makan lontong.” Kata mak sambil terus tekun menjahit baju.

“Ada Budin telefon kakak?” tiba-tiba mak bertanya soalan yang menyebabkan aku tersentak dari lamunan yang panjang.

“Mak...” aku memanggil mak dengan sayu.

Mak menoleh ke arahku. Kemudian, mata mak singgah di mataku. Mak tidak lagi seperti dahulu. Kedut di wajah mak menggambarkan betapa mak sudah semakin dimamah usia. Di bawah mata mak ada kolam-kolam kepayahan yang pernah diharungi oleh mak suatu masa dahulu. Aku melihat mak semakin berkecamuk jiwanya. Dan serta-merta bertapak di hatiku simpati dan kesedihan terhadap diri mak.

“Mak...sebenarnya...” aku masih lagi menggantung kata-kata yang tidak berpenghujung.

“Sebenarnya apa? Mak bela kamu, Budin dan adik-adik yang lainnya sejak kecil. Mak tak pernah membeza-bezakan anak-anak mak. Kalau Budin dapat baju baharu, kamu semua juga dapat. Kalau Budin dapat kasut baharu, kamu semua juga dapat kasut baharu. Jadi apa yang tidak kena sekarang ini? Kalau kakak marah sebab mak jahitkan baju Budin dan abah, mak tak kisah. Kamu semua sudah ada baju baharu untuk raya tahun ini. Hanya Budin sahaja yang belum ada!” jawab mak menyebabkan situasi semakin tegang.

Aku semakin gelisah. Jiwaku seolah-olah disuntik dengan perasaan sedih. Aku mencongak-congak sendiri. Haruskah aku membiarkan mak larut dengan perasaan sendiri? Haruskah aku membiarkan mak alpa dalam kenangannya? Ah, terlalu sukar untuk aku menerangkan segala-galanya. Namun, aku harus memberitahu kebenarannya. Bukankah kebenaran itu adalah musuh kebatilan?

“Mak...Budin sudah setahun meninggalkan kita. Budin sudah tak ada mak. Budin meninggal disebabkan kanser hati, mak.” Tanpa mahu berselindung aku memberitahu kebenarannya.

Mak tersentak. Air mata mak mula mengalir laju di pipi. Mak terduduk di hadapan baju melayu berwarna biru kepunyaan Budin. Mak menangis semahu-mahunya. Aku hanya membiarkan mak menangis di bahuku. Namun, air mataku juga mengalir deras tanpa dapat disekat lagi. Aku tahu hati mak. Hati seorang ibu yang kehilangan anak. Aku tahu perasaan mak. Perasaan kehilangan seorang anak lelaki.

“Mak...janganlah menangis, mak. Arwah tunggu kita di sana. Suatu hari nanti kita juga akan mengikut jejak arwah,” aku mengakhiri kata-kata kesedihanku di situ.

Al-Fatihah buat adikku, Norhisham bin Mohamad Saad.

Lagu yang dipilih : 1. Sepasang kurung biru- Khairil Johari Johar
2. Setitis cahaya di aidilfitri – Aisyah
3. Ku pohon restu ayah bonda – Mamat Exist

Coretan Dua

CORETAN ADILA RAYA 2018 OLEH:

MD RASUL BIN HARON/NAMA PENA: AMATARA
BAHAGIAN MATRIKULASI
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
ARAS 6-7, BLOCK E15, KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA
0135141970

PENGISYTIHARAN pengumuman oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja mengenai tarikh mula berpuasa di kaca televisyen itu benar-benar dinantikan oleh aku. Seperti ada satu penantian yang berlegar-legar di sanubariku tatkala mendengar pengumuman tersebut. Begitu juga dengan pengumuman hari raya yang pada diriku terlalu istimewa sehinggalah sekarang. Sejak kecil lagi aku akan menantikan saat-saat pengumuman kedua-dua hari tersebut dengan senyuman yang melebar. Syukur alhamdulillah kerana Allah memberikan aku peluang untuk terus menikmati Ramadan bulan yang penuh berkah ini.

“Abah, esok kita dah mula puasa. Tahun ini kita tak payahlah balik ke kampung.” Ujar anak bongsuku sambil melihat skrin pada telefon bimbitnya.

Secara tiba-tiba hatiku tersentak dan kesemua kegembiraanku tiba-tiba bertukar menjadi debu yang berterbangan di udara. Anak bongsuku yang berusia 19 tahun itu langsung tidak mengerti perasaanku ketika itu malah dia menghumbankan seluruh perasaanku ke lurah yang paling dalam.

“Kenapa adik tak mahu balik kampung? Raya hanya setahun sekali sahaja. Masa inilah kita berpeluang untuk bertemu dengan saudara-mara kita di kampung.” Jawabku.

“Raya sekarang dah tak seperti dulu, abah. Raya sekarang makin bosan dan hambar. Adik dah tak rasa apa-apa pun sekarang ini,” ujar anakku dengan mimik muka bersahaja.

Aku terdiam apabila mendengar kata-katanya itu. Barangkali ada kebenaran daripada keluhan anakku itu. Sambutan hari raya pada zaman sekarang tidak begitu meriah jika dibandingkan dengan raya zaman dahulu. Zaman sekarang anak-anak sudah diperangkap dengan telefon pintar dan gajet berteknologi tinggi sehinggakan mereka langsung tidak bertegur sapa dengan tetamu yang datang bertandang ke rumah. Malah, mereka semakin biadap langsung tidak mempelawa atau bersalam-salaman dengan tetamu. Mereka sibuk melayan kerenah masing-masing dan berada dalam dunia mereka sendiri.

Aku menggeleng-gelengkan kepala berulang kali. Cuba mencari sebab dan alasan kepada apa yang telah terjadi. Lantas terlintas di fikiranku ketika zaman kanak-kanakku. Hari raya amat ditunggu-tunggu oleh aku dan adik-beradikku. Meskipun aku hidup dalam serba kemiskinan, namun keadaan itu langsung tidak mempengaruhi kegembiraanku pada waktu itu. Baju melayu abang akan aku pakai. Manakala abang pula akan mendapat baju melayu daripada abang yang lainnya. Baju yang kami pakai itu adalah turun-temurun sehinggalah kami dewasa. Baju itu jugalah yang kami pakai sehingga ke malam. Dengan baju itu jugalah, kami cuba mencari duit raya sehinggakan kumbang semua poket pada baju itu. Waktu itu, makan tidak penting, yang aku tahu aku mahu cari seberapa banyak duit dan dengan duit itu dapatlah aku membeli barangan yang aku suka.

Aku tersengih apabila mengenangkan kemeriahan hari raya pada masa lalu. Selepas aku berumah tangga, aku melihat hari raya semakin tegang. Masakan tidak, apabila menjelang hari raya isteriku akan marah-marah dan berwajah masam. Emosi isteriku sentiasa tidak baik. Pantang ditegur, maka muncung mulutnya boleh diikat dengan reben. Waktu itu aku tahu isteriku bersikap begitu kerana protes untuk balik berhari raya di kampungku. Bukan aku tidak kasihan dirinya tetapi aku buat-buat tidak faham dan tersengih seperti kerang busuk. Yang paling penting, aku dapat balik berhari raya bersama-sama adik-beradikku yang lain.

Ini belum lagi bab menyusun beg-beg pakaian di dalam bonet kereta. Beg baju anak, bakul susu anak, beg pakaian kami suami isteri, toto dan selimut, tikar mengkuang, bantal, bakul permainan anak, bakul lampin dan segala jenis bakul akan diangkut oleh isteriku. Semua benda hendak disumbat di dalam kereta. Macamlah hendak duduk di kampung bertahun-tahun padahal balik ke kampung hanya tiga hari sahaja.

Apabila menjelang malam raya, situasi semakin tegang. Sampai sahaja di muka pintu, keadaan di dalam rumah makin tidak terkawal. Ada sahaja anak-anak saudaraku yang berlari dan bermain kejar-kejar di dalam rumah. Habis tunggang-langgang sofa di ruang tamu. Adik dan ipar-duaiku pula sibuk menggantung langsir dan mengemas rumah. Masing-masing sibuk ke hulu ke hilir walaupun aku tahu mereka hanya buat-buat sibuk sahaja. Waktu itulah gas memasak habis, santan habis, gula habis dan sebagainya. Waktu itulah aku dikerah ke kedai sedangkan mereka tahu aku baru sampai di rumah. Aku hanya tersengih apabila melihat isteriku menarik muka masam sambil mendukung anak.

Itulah kebahagiaan dan kegembiraanku pada raya zaman dahulu. Anak-anak saudara serta ipar-duai tidur di ruang tamu bergelimpangan. Aku sendiri tidak tahu mana sudut yang diambil oleh isteriku untuk tidur. Namun isteriku lebih tahu situasi ketika itu, dia sudah menempah sudut di belakang sofa untuk kami beradu. Barangkali isteriku sudah masak dengan strategi anak-anak saudaranya yang tidur di depan televisyen. Aku masih tersengih apabila mengingati semua itu. Tidak seperti sekarang, anak-anakku langsung tidak mahu tidur di rumah kampung. Mereka lebih suka menginap di hotel daripada berperang dengan sepupu-sepupu mereka. Keakraban dan kejelekitan sudah semakin terhakis dalam diri anak-anak zaman sekarang.

Waktu subuh adalah waktu yang sangat kritikal. Mana tidaknya, ahli keluargaku yang ramai akan berebut-rebut untuk memasuki bilik mandi. Waktu itu suasana semakin gamat. Kalau tidak mahu terlambat terpaksa aku membawa isteri serta anak-anak mandi di hentian RNR yang kebetulan tidak jauh dari rumahku. Mujurlah ada kawasan RNR di lebuhraya. Walaupun mandi seperti musafir namun aku tetap gembira.

Wajah isteriku kembali ceria apabila menjelang hari raya ketiga. Senyumannya manis bergula. Isteriku akan tersenyum sehingga ke telinga apabila aku mengangkat semua beg ke dalam bonet kereta. Waktu itu, isteriku akan bangun awal dan bersiap sedia untuk pulang ke rumah ibu bapanya. Hmm...kalaulah aku dapat memperlahankan masa sudah tentu aku akan diikat di pokok yang banyak kerengga oleh isteriku. Aku tiba-tiba ketawa apabila mengingati semua kenangan tersebut.

“Abah, kenapa abah ketawa?” soal anakku dengan wajah yang sedikit curiga.

“Tak ada apa-apalah. Abah hanya teringat kisah dulu-dulu.” Aku membalasnya dengan wajah selamba.

“Jadi tahun ini kita raya di mana?” soalku cuba memancing kedua-dua anakku.

“Abang, mak dan ayah abang sudah tak ada. Adik-beradik abang pun sudah ada keluarga sendiri. Daripada tujuh beradik kini yang tinggal hanya lima orang sahaja. Alang dan

Acu sudah lama pergi meninggalkan kita. Uda pula balik ke kampung mertuanya setiap kali hari raya. Hanya tinggal abang Tam sahaja itu pun dia balik ke kampung mertuanya. Setiap kali hari raya kita hanya boleh pergi ziarah Bang Long dan Bang Ngah yang tinggal di rumah pusaka. Bang Long langsung tak pernah pelawa kita bermalam di rumahnya. Seperti biasa, kita faham keadaan sekarang yang jauh bezanya setelah mak dan ayah abang meninggal. Kita tetap akan balik ke kampung walaupun abang sudah semakin tersisih daripada adik-beradik abang yang lain.”

Kata-kata isteriku itu benar-benar menyedarkan aku tentang kehidupan yang aku alami sekarang ini. Setelah mak dan ayah tiada, adik-beradikku juga membawa haluan masing-masing. Sudah kurang kasih sayang antara kami. Sudah semakin terpinggir tali kekeluargaan yang telah terbina sejak bertahun-tahun lamanya. Cuma aku sahaja yang bersusah-payah mencari adik-beradikku yang lainnya. Cuma aku sahaja yang bertungkus-lumus untuk mengeratkan tali kekeluargaan yang semakin terputus.

“Ya Allah, aku mohon agar kau satukan kembali kasih sayang kami adik-beradik.”
Ujarku dengan linangan air mata.

Lagu yang dipilih: 1. Selamat Hari Raya – Puan Sri Saloma

2. Dendang Perantau – Tan Sri P.Ramlee

3. Air mata syawal – Datuk Siti Nurhaliza